

**Rakyat Selangor akan dapat MB baru jika Pakatan tawan Putrajaya**  
**Malaysian Insider**  
**03 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 3 Okt — Rakyat Selangor akan kehilangan Menteri Besar (MB), Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sekiranya Pakatan Rakyat (PR) berjaya menawan Putrajaya dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke 13, kata Mohamed Azmin Ali (gambar).

Abdul Khalid, menurut timbalan presiden PKR itu, akan dihantar ke Putrajaya untuk membantu pentadbiran kerajaan baru PR.

“Keputusan berkenaan kemungkinan dibuat dengan menggabungkan pelbagai kemahiran dan keupayaan untuk memastikan pentadbiran negara berjalan lancar.

“Tidak ada sesiapa pun boleh menentukan kedudukannya hari ini sehingga keputusan PRU 13 diumumkan,” katanya dipetik dari Sinar Harian Online.

Menurut Azmin lagi, keupayaan Abdul Khalid dan kejayaan memimpin Selangor sehingga menyumbang 23 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) juga antara faktor yang menjadi pertimbangan mereka.

Keputusan berkenaan, kemungkinan besar dibuat oleh gabungan DAP, PAS dan PKR atas kewibawaan dan kepakaran yang ditunjukkan Abdul Khalid menjadi MB selama sepenggal ini.

Walaupun menurut Azmin, PR masih belum memutuskan tentang perkara tersebut.

PRU perlu diadakan selewat-lewatnya pada April 2013 selepas mandat BN yang diperolehi pada tahun 2008 tamat.

Selangor yang merupakan negeri terkaya dan termaju di Malaysia buat pertama kalinya jatuh ke tangan PR pada PRU 12 lalu.

Minggu lalu, Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Selangor, Datuk Seri Noh Omar yakin bahawa gabungan Barisan Nasional (BN) akan merampas kembali negeri tersebut dengan memenangi 32 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/rakyat-selangor-akan-dapat-mb-baru-ji-ka-pakatan-tawan-putrajaya/>